


# Kunjungan Hormat

## YB Pengerusi PTPTN Ke UniMAP

**20 November 2009** - UniMAP telah menerima kunjungan hormat daripada Y.B Pengerusi PTPTN iaitu Y.B Dato' Mohamad Shahrum Osman pada jam 3.00 petang bertempat di Dewan Keikhlasan, Tingkat 11, Bangunan KWSP. Kedatangan Y.B Pengerusi PTPTN telah disambut oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antrabangsa iaitu Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan-timbalan Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni Pusat-pusat pengajian, kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni serta para pelajar yang terdiri dari

barisan Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa, ucapan aluan oleh Prof. Dr. Sazali Yaacob, ucapan oleh Y.B Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman serta sesi dialog dan soal jawab serta sedikit jamuan ringan bagi mengalu-alukan kedatangan Y.B pengerusi PTPTN. Sebaik tamat majlis tersebut, Y.B Pengerusi PTPTN dengan ditemani oleh Timbalan Naib Canselor dan Pegawai-pegawai HEPA mengiringi beliau membuat lawatan di sekitar kampus UniMAP.

 Nurshuhada Hakimin

